



SARANA

Ibu Bapa



Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta
Suatu Inisiatif Utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025




Sarana Ibu Bapa
merupakan suatu inisiatif kebangsaan
bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam
pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah
demi kecemerlangan masa hadapan
negara yang tercinta:
M A L A Y S I A



Pengantar

Penglibatan ibu bapa (IB) dalam pembelajaran anak sangatlah penting. Terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa penglibatan IB dan komuniti dalam pendidikan anak membawa perubahan yang ketara kepada kejayaannya. Berbanding 52% masa yang dihabiskan di rumah dan di dalam komuniti hanya 15% masa seseorang anak dihabiskan di sekolah. Istilah ibu bapa yang digunakan dalam konteks ini merujuk kepada sesiapa sahaja yang bertanggung jawab terhadap kebajikan anak dan terlibat secara aktif dengan pendidikannya.

Kegunaan Masa Murid



■ Sekolah

■ Tidur

■ Rumah dan
Komuniti

Kegunaan masa murid berumur 7 – 16 tahun, berdasarkan 42 minggu di sekolah dan purata 5.5 jam di sekolah setiap hari (sekolah rendah dan menengah), 2 jam masa kokurikulum wajib seminggu dan masa tidur 8 jam sehari.


SUMBER: KPM, sampel jadual waktu murid, 2011

Kajian peringkat antarabangsa PISA 2009 (PISA: *Programme for International Student Assessment – Program Pentaksiran Murid Antarabangsa*), dijalankan oleh OECD, (*Organisation for Economic Cooperation and Development* – Pertubuhan untuk Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan) menunjukkan bahawa cara bagaimana IB menggunakan masa bersama anak di rumah mempengaruhi kejayaannya.

Oleh itu, amatlah penting IB menilai penglibatan bersama anak dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membantu anak meraih kejayaan pada masa hadapan. Dalam sarana ini, satu kaedah yang dicadangkan ialah IB mengisi borang soal selidik yang dibekalkan dan menganalisis sendiri kekuatan dan kelemahan dalam empat bidang:

- Menyediakan suasana pembelajaran di rumah
- Interaksi sosial
- Komunikasi dengan anak
- Sokongan akademik

Namun sekiranya IB ingin melebarkan kefahaman dan mengambil iktibar daripada pengalaman IB lain, sila berhubung dengan PIBG sekolah berkenaan. Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) PIBG sekolah anak anda bersedia berkongsi buah fikiran bagi menangani setiap isu. Anda juga mungkin boleh memberi sumbangan idea bernes kepada mereka.



Sehingga 31 Januari 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai: 7,723 Sekolah Rendah dan 2,296 Sekolah Menengah. Jumlah 10,019 sekolah.

Bilangan Murid:

Prasekolah	186, 298 orang
Sekolah Rendah	2, 804, 405 orang
Sekolah Menengah	2, 281, 775 orang

5, 272, 478
murid



Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia

Pengenalan


Sarana ini ditujukan khas kepada IB dan boleh dikongsikan bersama-sama ahli keluarga yang lain. Tujuan asasnya ialah untuk membantu IB melaksanakan tugas pertama dan paling penting, mendidik anak-anak mereka.

Sarana ini mengandungi soal selidik untuk IB dan boleh dianalisis sendiri untuk menentukan tahap penglibatan dalam pembelajaran anak. Cadangan tindakan susulan diberikan sebagai garis panduan kepada IB menambahbaik dalam bidang-bidang tertentu. Sebenarnya IB telah melakukan banyak usaha mengikut kemampuan masing-masing supaya anak-anak berjaya dalam pelajaran. Usaha ini jika dipertingkatkan, akan memberi kesan yang lebih besar.

Amalan-amalan terbaik daripada IB, PIBG dan sekolah dalam dan luar negara dipaparkan untuk memberi gambaran bagaimana mereka mengatasi cabaran yang dihadapi. Adalah diharapkan amalan-amalan ini akan dapat menokok tambah kepada usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh IB.

Cadangan-cadangan yang diberikan melalui sarana ini bukanlah satu senarai lengkap kerana setiap IB mempunyai persekitaran, kemudahan serta pengalaman yang unik dan berbeza-beza. Walaupun demikian, setiap suatu usaha yang diambil oleh IB untuk terlibat lebih mendalam dengan pembelajaran anak di rumah sangatlah dialu-alukan.

Apabila anak-anak mengetahui bahawa ibu bapa mereka sangat mengutamakan pendidikan, maka nilai pembelajaran menjadi begitu tinggi dalam diri mereka.



Sarana: (Segala) sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat dan sebagainya untuk mencapai atau melaksanakan sesuatu.

- Kamus Dewan Edisi Keempat



Sarana Penglibatan Ibu Bapa Penjaga Dengan Pembelajaran Anak

Kandungan

1. Pengantar	2
2. Pengenalan	3
3. Kenapa Ibu Bapa Patut Terlibat Dalam Pembelajaran Anak?	5
4. Bagaimana Menggunakan Sarana Ini?	6
5. Soal selidik Penglibatan Ibu Bapa/Penjaga dalam Pembelajaran Anak	8
6. Analisis Kendiri oleh Ibu Bapa	11
7. Analisis Keseluruhan	15
8. Bagaimana Merancang Untuk Mengatasi Masalah?	16
9. Beberapa Contoh Amalan Terbaik	20
10. Peranan Ibu Bapa	23
11. Borang A: Penyertaan Kumpulan Perbincangan Ibu Bapa	35
12. Borang B: Khidmat Bantu Kepada Sekolah	36


Kenapa ibu bapa patut terlibat dalam pembelajaran anak?

Faedah kepada anak:

- Mendapat markah dan gred ujian yang lebih baik.
- Mempunyai nilai kendiri dan motivasi yang lebih tinggi.
- Kehadiran ke sekolah lebih bagus.
- Kadar pelanggaran disiplin sekolah berkurangan.
- Keciciran persekolahan dapat dielakkan.

Faedah kepada ibu bapa:

- Boleh belajar bagaimana untuk membantu anak menyelesaikan kerja rumah.
- Ibu bapa dapat mengetahui prosedur dan kaedah membantu anak di sekolah
- Dapat berkongsi ilmu keibubapaan bersama ahli PIBG yang lain.
- Anda akan dapatkan lebih mudah untuk menyediakan suasana rumah yang sihat.



Oleh kerana kesan sesuatu masalah ke atas individu adalah berbeza, maka pandangan setiap individu terhadap masalah yang sama adalah berbeza-beza. Perkongsian idea adalah amalan murni yang saling memberi faedah.



Bagaimana Menggunakan Sarana Ini?

Sarana ini bertujuan meningkatkan penglibatan IB dalam pembelajaran anak-anak. Tidak kira penglibatan anda minimum atau maksimum, masih ada ruang untuk peningkatan. Gunakan sarana ini seperti berikut:

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

- Lengkapkan soal selidik penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak pada halaman 8 - 10.
- Jumlahkan skor pada setiap bahagian dan tentukan prestasi anda berbanding indikator pada halaman 11 - 14.
- Bandingkan markah keseluruhan anda dengan indikator di muka surat 15 dan tentukan isu mana yang hendak ditangani terlebih dahulu.
- Pertingkatkan penglibatan anda mengikut kemampuan.
- Sekiranya anda mahu, sertailah Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) PIBG sekolah anak anda untuk perkongsian yang lebih bermakna. Mungkin hasilnya, lebih baik!
• Caranya mudah sahaja. Cuma isi dan kembalikan **Borang A** kepada PIBG sekolah anak anda. Kembalikan juga **Borang B** jika ingin membantu sekolah.



Apa itu Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB)?

KSIB adalah saluran kerjasama dan komunikasi untuk merapatkan hubungan di antara ibu bapa, murid dan sekolah. Melalui KSIB lebih banyak interaksi, perkongsian dan percambahan ilmu dapat berlaku demi mewujudkan hubungan yang bermakna antara anda dan anak anda.



Soal selidik penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak



Kajian ini bertujuan untuk IB menganalisis sendiri penglibatan dalam pembelajaran anak-anak dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas keperluan-keperluan yang timbul.



Hasil yang diharapkan:

- IB boleh menggunakan analisis kendiri bagi mendapatkan profil keterlibatan dalam pembelajaran anak dan merancang program peningkatan kendiri.
- Sekolah dan PIBG boleh merancang program bagi meningkatkan penglibatan IB dalam pembelajaran anak bertujuan menghasilkan suatu persekitaran pembelajaran yang berkesinambungan dari sekolah ke rumah dan komuniti.



Penghargaan

Kerjasama tuan/puan menjayakan kaji selidik ini amatlah dihargai.

SOAL SELIDIK

Arahan: Sila tandakan (✓) atau tulis respons anda di ruang yang berkenaan.

A. Latar Belakang Ibu Bapa/ Penjaga

1. Kedudukan rumah anda

- Bandar
- Luar Bandar
- FELDA/RISDA/Perludangan
- Pedalaman
- Kepulauan
- Petempatan Orang Asli
- Rumah Panjang
- Lain-lain: (sila nyatakan):

2. Kelulusan Tertinggi Ibu Bapa/Penjaga

- Tiada Kelulusan (Tidak bersekolah)
- Pendidikan Sekolah Rendah
- PMR/Tingkatan 3
- SPM/Tingkatan 5
- STPM/Tingkatan 6/Sijil
- Diploma
- Ijazah dan ke atas

3. Pendapatan Kasar Keluarga

- Kurang RM 500
- RM 501 – RM 1000
- RM 1001 – RM 3000
- RM 3001 – RM 5000
- RM 5001 ke atas

4. Bilangan anak dalam tanggungan

- 1 – 2 orang
- 3 – 4 orang
- 5 – 6 orang
- Lebih 6 orang

5. Soal selidik ini dilengkapi oleh

- | | |
|-------------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> Ibu | <input type="checkbox"/> Penjaga |
| <input type="checkbox"/> Bapa | <input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan) |

B. Penglibatan ibu bapa/penjaga dengan pembelajaran murid di rumah

Bagi setiap item 1 – 5, skor berikut diberikan: Ya = 1, Tidak = 0. Catatkan jumlah skor anda ke dalam petak di bahagian kanan dan jumlahkannya.

Penyediaan suasana pembelajaran di rumah	Ya	Tidak	SKOR Ya=1 Tidak = 0
1. Saya menyediakan ruang untuk anak belajar di rumah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Saya memastikan anak saya mempunyai jadual belajar di rumah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Saya mengurangkan gangguan bunyi daripada radio/televisyen semasa anak saya belajar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Saya memastikan bahawa tempat belajar anak saya sentiasa kemas dan bersih.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Anak-anak saya mempunyai buku-buku rujukan yang cukup.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	JUMLAH SKOR		<input type="checkbox"/>

Bagi setiap item 1- 5, skor merupakan bilangan hari anda terlibat.

Interaksi sosial dengan anak	BILANGAN HARI								SKOR (Ikut bilangan hari)
	0	1	2	3	4	5	6	7	
1. Saya bercerita/berbual dengan anak saya sebanyak hari ___ seminggu.	<input type="checkbox"/>								
2. Saya makan bersama anak saya sebanyak ___ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>								
3. Saya meluangkan masa untuk melakukan aktiviti bersama anak sebanyak ___ hari seminggu	<input type="checkbox"/>								
4. Saya mengambil tahu pergerakan anak saya ___ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>								
5. Saya mendidik/memberi didikan agama/moral kepada anak ___ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>								
	JUMLAH SKOR		<input type="checkbox"/>						

Bagi setiap item 1- 5 skor merupakan bilangan hari anda terlibat.

Komunikasi dengan anak	BILANGAN HARI	SKOR (ikut bilangan hari)
	0 1 2 3 4 5 6 7	
1. Saya dan anak berbincang mengenai kemajuan pelajarannya sebanyak _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Saya mendengar anak saya bercerita tentang peristiwa di sekolah sebanyak _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Saya mengambil tahu tentang kerja rumah anak saya sebanyak _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Saya mengambil tahu tentang perancangan aktiviti anak saya _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Saya dapat bertukar-tukar fikiran dengan anak saya sebanyak _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	JUMLAH SKOR	

Bagi setiap item 1 – 5 skor merupakan bilangan hari anda terlibat.

Sokongan terhadap kecemerlangan anak	BILANGAN HARI	SKOR (ikut bilangan hari)
	0 1 2 3 4 5 6 7	
1. Saya memberi pujian dan rangsangan kepada anak saya sebanyak _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Saya memberi dorongan/motivasi kepada anak sebanyak _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Saya dan keluarga melakukan Aktiviti membaca sebanyak _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Saya membimbing anak saya menyiapkan kerja rumah sebanyak _____ hari seminggu	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Saya menyediakan bimbingan/tuisyen kepada anak _____ hari seminggu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	JUMLAH SKOR	

ANALISIS KENDIRI OLEH IBU BAPA / PENJAGA

Analisis ini memberikan gambaran ringkas mengenai 4 aspek, iaitu:

1. Penyediaan suasana pembelajaran di rumah.
2. Interaksi sosial dengan anak.
3. Komunikasi dengan anak.
4. Sokongan terhadap kecemerlangan anak.

Penyediaan suasana pembelajaran di rumah

Indikator

Jumlah Skor	Indikator penyediaan suasana pembelajaran di rumah	Senarai penyediaan suasana pembelajaran di rumah
0 – 1	Asas <ul style="list-style-type: none">• Anda telah menyediakan sekurang-kurangnya satu keperluan bagi suasana pembelajaran anak.• Anda perlu berusaha untuk menyediakan satu hingga tiga lagi keperluan untuk anak anda.	
2 – 3	Sedang Maju <ul style="list-style-type: none">• Anda telah menyediakan sebahagian besar keperluan bagi suasana pembelajaran anak.• Anda perlu berusaha untuk memenuhi tiga hingga empat lagi keperluan untuk anak anda.	Penyediaan suasana pembelajaran di rumah: <ul style="list-style-type: none">• Ruang belajar• Jadual belajar• Mengurangkan gangguan bunyi• Tempat belajar yang kemas dan bersih• Penggunaan tempat belajar yang berkesan• Buku rujukan yang cukup
4 – 5	Cemerlang <ul style="list-style-type: none">• Anda telah menyediakan semua/hampir semua keperluan bagi suasana pembelajaran anak anda.• Anda boleh menambah satu lagi keperluan dari senarai dalam petak di sebelah kanan.• Mungkin anda boleh menambah keselesaan anak dengan cara menemani anak belajar, menyediakan sedikit minuman dan makanan semasa dia berehat sebentar, melibatkannya dengan aktiviti belajar berkumpulan dan sebagainya.	

Interaksi sosial dengan anak

Indikator

Jumlah Skor	Indikator interaksi sosial dengan anak	Senarai aktiviti interaksi sosial dengan anak
0 – 7	Asas <ul style="list-style-type: none"> • Interaksi sosial antara anda dan anak sangat sedikit. • Anda perlu berusaha untuk melakukan sekurang-kurangnya satu daripada aktiviti yang disenaraikan di petak sebelah kanan. 	
8 – 21	Sedang Maju <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat interaksi sosial antara anda dan anak anda. • Anda perlu berusaha agar dapat melakukan sekurang-kurang dua aktiviti lagi yang tersenarai dalam petak di sebelah kanan. 	<p>Interaksi sosial dengan anak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berbual-bual dengan anak • Bercerita kepada anak • Makan bersama anak • Beriadah/aktiviti bersama anak
22 – 35	Cemerlang <ul style="list-style-type: none"> • Anda telah melakukan hampir semua/sempua aktiviti sosial bersama anak anda. • Hubungan anda dan anak akan lebih akrab jika anda dapat meluangkan lebih banyak masa agar dapat melakukan aktiviti yang tersenarai dalam petak di sebelah kanan dengan lebih kerap lagi. • Anda juga boleh menjemput kawan-kawan anak anda belajar bersamanya di rumah. 	

Komunikasi dengan anak

Indikator

Jumlah Skor	Indikator komunikasi dengan anak	Senarai komunikasi dengan anak
0 – 7	<p>Asas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahap komunikasi anda dengan anak sangat rendah. • Anda perlu berusaha berbual-bual dengan anak anda dengan lebih kerap. 	
8 – 21	<p>Sedang Maju</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi anda dengan anak berada pada tahap sederhana. • Di samping berbual dengan anak, anda boleh cuba bercerita kepada anak (jika sesuai) atau meluangkan masa untuk makan bersama anak beberapa kali seminggu dan melakukan beberapa aktiviti/riadah bersama anak apabila mempunyai masa. • Cubalah untuk melakukan ketiga-tiga aktiviti yang disenaraikan dalam petak di sebelah kanan. 	<p>Komunikasi dengan anak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dengan anak mengenai pelajaran. • Mendengar anak bercerita tentang sekolah. • Berhubung dengan pihak sekolah mengenai kemajuan anak
22 – 35	<p>Cemerlang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi anda dan anak adalah baik. • Anda mungkin boleh mempertingkatkan keadaan dengan melakukan aktiviti-aktiviti dengan lebih kerap dan tekal. • Bertanya anak tentang perasaan dan persediaannya menghadapi ujian dapat membantu anda memahami minat, kecenderungan dan keimbangannya. • Berbincanglah dengan anak untuk mengetahui target dan rancangannya dalam pelajaran. • Anda harus memberi kepercayaan kepada perancangan dan menghormati pendapatnya. • Jadikan pertemuan dengan guru sebagai rutin. 	

Sokongan terhadap kecemerlangan anak

Indikator

Jumlah Skor	Indikator sokongan akademik	Senarai aktiviti sokongan akademik
0 – 7	<p>Asas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahap sokongan anda terhadap kemajuan akademik anak anda adalah rendah. • Anda boleh memperbaikinya melalui aktiviti membaca bersama/kepada anak. • Perlu libatkan diri dengan pembelajaran anak secara lebih kerap. 	
8 – 21	<p>Sedang Maju</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di samping membaca kepada / bersama anak anda boleh membantu anak menyiapkan kerja rumah. • Perlu libatkan diri dengan pembelajaran anak secara lebih kerap. • Memberi bimbingan kepada anak akan membantunya cemerlang. 	<p>Sokongan akademik melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berbincang dengan anak mengenai pelajaran. • Membacakan buku kepada anak • Membaca buku bersama-sama anak • Membimbing anak menyiapkan kerja rumah • Memberi bimbingan melalui anak-anak lain/orang lain
22 – 35	<p>Cemerlang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda menunjukkan ciri-ciri cemerlang dalam membantu pencapaian akademik anak. • Ini boleh dipertingkatkan dengan melibatkan orang lain dalam membantu anak anda, misalnya, memberi tuisyen bila perlu. • Galakkan anak anda mencabar keupayaan dirinya, tetapi jangan menghukumnya jika tidak tercapai. 	

ANALISIS KESELURUHAN

Jumlahkan kesemua markah anda


Bil	Aspek	Markah
1	Penyediaan suasana pembelajaran di rumah	
2	Interaksi sosial dengan anak	
3	Komunikasi dengan anak	
4	Sokongan terhadap kecemerlangan anak	
JUMLAH MARKAH KESELURUHAN		

Indikator

Jumlah Markah keseluruhan	Indikator
0 – 22	<p>Asas</p> <ul style="list-style-type: none"> Penglibatan anda dengan pelajaran anak adalah di peringkat asas/minimum Berbincanglah dengan Kumpulan Sokongan Ibu bapa (Parents Support Group) PIBG sekolah anda Guru-guru juga boleh membantu anda dalam hal berkaitan pelajaran anak anda Kunjungilah sekolah atau hubungi PIBG, mereka boleh membantu anda.
23 – 88	<p>Sedang maju</p> <ul style="list-style-type: none"> Penglibatan anda adalah pada peringkat sederhana Anda boleh menghubungi sekolah atau Pasukan Sokongan Ibu Bapa, PIBG bagi mendapatkan penjelasan/bantuan dalam beberapa perkara tertentu Anda juga dialu-alukan menyertai Pasukan Sokongan Ibu Bapa PIBG untuk menyumbang di mana boleh.
89 – 110	<p>Cemerlang</p> <ul style="list-style-type: none"> Anda merupakan ibu bapa yang berdikari Sekiranya memerlukan sebarang penjelasan, anda boleh terus berhubung dengan pihak sekolah. Sertailah Pasukan Sokongan Ibu Bapa PIBG sekolah anak anda – anda sudah pasti dapat membantu lebih ramai ahli PIBG lain.

Bagaimana merancang untuk mengatasi masalah?

Carta alir di bawah akan membantu anda mengatasi sesuatu masalah/memperbaiki sesuatu keadaan.



Mula

1. Kenal pasti masalah dan senaraikan masalah-masalah itu

Senaraikan masalah:

Masalah 1:, dsb.

Masalah 2:, dsb.

2. Susun masalah mengikut keutamaan menyelesaiannya

Masalah pertama untuk diselesaikan ialah:

Masalah kedua untuk diselesaikan ialah:, dsb.

3. Kenal pasti punca bagi setiap masalah itu?

Punca-punca kepada masalah pertama ialah:

a., dsb.

b., dsb.

4. Senaraikan dan susun punca masalah mengikut keutamaan

Apakah yang mesti diatasi terlebih dahulu?

5. Atasi punca masalah yang dikenal pasti

- Mengapakah punca itu wujud?
- Apa yang perlu dilakukan?
- Siapa yang boleh membantu?
- Bagaimana menghapuskan punca masalah itu?
- Apakah peralatan/bantuan yang saya perlukan?
- Bila tarikh akhir punca masalah ini perlu di atasi?
- Di manakah tempat yang paling sesuai memulakan langkah penyelesaian?

6. Adakah lagi punca lain kepada sesuatu masalah itu yang perlu diselesaikan?

- Jika ada ulangi langkah 5 bagi menyelesaiannya

7. Adakah masalah itu dapat diselesaikan?

- Jika tidak dapat diselesaikan ulangi langkah 3 – 6 dengan pendekatan berbeza.

Tamat

- Tahniah kerana dapat merangka penyelesaian.
- Teruskan dengan masalah yang berikut (jika ada).

Penyediaan Suasana Pembelajaran di rumah

1. Perkara asas yang perlu disediakan ialah satu tempat/ruang untuk anak belajar
 - a. Tempat ini boleh jadi kekal atau bukan kekal. Misalnya jika ruang rumah menjadi satu masalah, suatu ruang/sudut boleh dilapangkan dan disediakan untuk anak belajar.
 - b. Keselesaan seperti suhu, edaran udara dan pencahayaan perlu diberi perhatian supaya anak dapat belajar dengan selesa.
 - c. Kemudahan-kemudahan lain untuk ruang belajar ini boleh ditambah mengikut keselesaan anda.
2. Perkara kedua yang perlu dipastikan ialah jadual waktu belajar/ ulangkaji anak. Kerja rumah, ulang kaji dan menelaah akan menjadikan anak anda lebih bersedia menguasai sesuatu mata pelajaran.
 - a. Jadual belajar hendaklah memasukkan masa untuk kerja rumah, menelaah dan mengulang kaji semua mata pelajaran. Jadual ini perlu disediakan untuk setiap hari dalam seminggu.
 - b. Adalah baik menasihati anak supaya memecahkan masa membaca kepada 20 – 30 minit disusuli dengan aktiviti menjawab soalan yang berkaitan atau membuat nota. Ini akan mengukuhkan kefahaman dan ingatan anak.
 - c. Nasihatkan anak supaya menyelesaikan kerja rumah terlebih dahulu sebelum menelaah. Membuat kerja rumah juga merupakan suatu bentuk belajar.
3. Jauhkan sebarang bentuk gangguan (bunyi, cahaya, bau, suhu, kacau ganggu) yang akan mengurangkan tumpuan anak.
4. Pastikan anak anda mengemas dan membersihkan tempat belajar.
5. Sekiranya anak-anak berkongsi tempat yang sama untuk belajar, ibu bapa perlu memantau supaya setiap orang fokus kepada pelajaran, supaya maa tidak dibazirkan dengan berbual kosong atau bermain antara satu sama lain.
6. Buku rujukan sangat membantu. Memiliki buku rujukan (walaupun yang terpakai/telah dimiliki oleh adik-beradik lain) akan membantu anak membuat penyelidikan bagi memahami sesuatu perkara.
7. Elok jika set alat tulis (pen, pensel, pembaris, kalkulator, kertas A4 dsb.) tersedia di tempat belajar bagi memudahkan anak menyiapkan kerja rumah, mengira atau membuat nota.
8. Jika boleh, temankan anak anda semasa dia sedang belajar kerana kehadiran anda mengukuhkan perasaan dan mengekalkan tumpuannya. Kehadiran anda juga membantu mendisiplinkan anak-anak yang belajar di tempat yang sama. Namun begitu, perbincangan dan tunjuk ajar di antara adik-beradik amatlah

digalakkan kerana ini menyuburkan kasih sayang, kerjasama dan meningkatkan kefahaman. Cuma, pupuk supaya anak dapat berdikari dan merujuk sendiri terlebih dahulu sebelum bertanya kepada orang lain.

9. Benarkan anak berehat dalam suatu selang masa (misalnya selepas 45 minit atau sejam belajar). Pada masa ini anda boleh menceriakan suasana dengan menyediakan minuman dan sedikit snek.

Interaksi sosial dengan anak

1. Perbualan dengan anak merupakan interaksi yang asas. Bualkan tentang apa sahaja. Galakkan anak bercakap dan beri tumpuan kepada apa yang diucapkan oleh anak. Sekali-sekala angguk dan sambut percakapan anak dengan perkataan "ya", "bagus" dan sebagainya. Hadiahkan puji-pujian dan jika boleh nyatakan semula apa yang diperkatakan oleh anak dalam ayat anda sendiri. Ini menunjukkan anda mendengar dengan teliti. Elakkan suasana tegang ketika bercakap dengan anak. Anda boleh menguruskan masalah dengan sopan dan lembut tetapi tegas. Jika ini perlu dilakukan, banyakkan bersabar dan jangan terlalu mengasak anak. Matlamatnya ialah mengekalkan interaksi dengan anak.
2. Bagi anak-anak yang masih kecil, cerita yang datang dari ibu atau bapa lebih bermakna. Aktiviti ini boleh dilakukan apabila masa dan tempatnya sesuai. Bercerita tidak dihadkan kepada cerita rakyat atau cerita dari buku, tetapi penerangan tentang pengalaman diri anda, sejarah tempat dan keluarga/orang-orang di keliling anda juga boleh dijadikan penghubung di antara anda dan anak.
3. Makan bersama menghidupkan kemesraan sesebuah keluarga. Sambil menikmati hidangan harian ibu bapa/penjaga dapat berbual mesra. Elakkan menimbulkan isu atau ketegangan semasa makan. Tanamkan sifat kemesraan dan memupuk kebahagiaan keluarga semasa makan. Hidupkan suasana dengan perbualan umum yang tidak "mengancam" atau mengganggu perasaan mereka yang hadir. Makan bersama merupakan pemupukan kemahiran sosial dalam diri anak dan ibu bapa/penjaga.
4. Beriadah atau melibatkan anak dalam aktiviti seperti berkebun, menjahit, mengemas rumah atau bersantai akan mengeratkan silaturahim. Ikatan kekeluargaan semakin kukuh jika ibu bapa mengamalkan hubungan sihat dan saling menghormati anak-anak dan satu sama lain.
5. Melalui interaksi dengan anak, ibu bapa dapat menerapkan kefahaman agama/moral, budi bahasa, adat resam, serta seni dan budaya. Ini dapat mengelak perkara-perkara tersebut daripada terhakis dan hilang.
6. Kekalkan interaksi dengan anak sepanjang usia. Ini dapat mengelakkan daripada gejala jurang umur, terutama ketika anak berada pada usia remaja.

Komunikasi dengan anak

1. Berkomunikasi lebih daripada sekadar bercakap-cakap. Dalam berkomunikasi hasrat hati dari dua pihak disampaikan dan fahami. Semasa berkomunikasi, masalah/isu yang timbul diselesaikan bersama supaya mencapai kata sepakat.
2. Berbincang dengan anak mengenai pelajaran bertujuan untuk:
 - a. Mengetahui pelajarannya hari itu dan apa yang berlaku di sekolah
 - b. Mengetahui keraguan/kerisauan anak supaya dapat diatasi bersama
 - c. Memberi pengukuhan kepada pencapaian anak di sekolah
 - d. Membimbing anak merangka tindakan/merancang kemajuan dalam pelajaran
 - e. Menenteramkan kerisauan/kegugupan anak
3. Adalah amat baik jika anda dapat mengunjungi sekolah dan berbincang dengan guru-guru anak anda bagi mengetahui kemajuan (dan permasalahan?) anak anda. Ini memberi kelebihan kepada anda agar sentiasa kemas kini dengan apa yang berlaku di sekolah dan apa yang berlaku kepada anak anda.
4. Adalah baik jika kita mengenali setiap orang dalam kalangan kawan-kawan anak.

Sokongan akademik

1. Penting untuk ibu bapa mengetahui kemajuan pelajaran anak. Pengetahuan tentang sukanan pelajaran dan mata pelajaran yang dipelajari oleh anak akan memudahkan perbincangan ibu bapa/penjaga dengan anak. Di pihak anak, keyakinan dan harapan untuk mendapat bantuan daripada ibu bapa akan menyuburkan rasa hormat kepada ibu bapa. Perbincangan ibu bapa – anak mengenai pelajaran akan menghasilkan suatu pandangan bersama tentang target anak dalam pelajaran, di samping membantu anak mencapai cita-citanya.
2. Membacakan buku kepada anak yang masih kecil merupakan satu aktiviti yang dapat merangsang minat terhadap membaca. Lontaran, intonasi, ton suara dan aksi ibu bapa /penjaga semasa membaca merupakan pendidikan tidak formal yang membentuk sikap terhadap membaca dalam kalangan anak.
3. Sesuai dengan perubahan umur anak, ibu bapa boleh membaca bersama anak. Aktiviti ini menyemai kecintaan terhadap buku dan ilmu.
4. Anak-anak mungkin memerlukan bimbingan untuk menyiapkan kerja rumah. Amat baik jika anda dapat memberi bimbingan secara langsung kepada anak, atau meminta adik-beradik saling bantu-membantu.
5. Apabila perlu, hantar anak anda untuk belajar secara berkumpulan.

Beberapa Contoh Amalan Terbaik

1. Menyediakan suasana pembelajaran di rumah

- a. **SK Ulu Lubai, Limbang, Sarawak**

Cabaran: Murid tidak memanfaatkan masa untuk belajar.

Tindakan: Program belajar di rumah panjang bertujuan untuk membolehkan murid menggunakan masa hujung minggu dengan mengulang kaji dan menyiapkan kerja rumah. Program belajar malam di rumah panjang diadakan setiap jumaat malam dan sabtu malam dan juga sepanjang cuti sekolah. Ibu bapa dari rumah-rumah panjang di empat kampung – Kampung Rantau Panjai, Kampung Mulong, Kampung Limau Manis dan Kampung Krangan Batu – memantau kehadiran anak-anak di ruang belajar rumah panjang masing-masing. Kehadiran diambil oleh pengawas dan disemak oleh Guru Bertugas Harian pada hari Isnin minggu sekolah berikutnya.

Kesan: Kejayaan 100% dalam UPSR 2010, 2011

- b. **Kemudahan ruang belajar di rumah pangsa**

Cabaran: Ketiadaan tempat yang sesuai dan selesa untuk murid belajar

Tindakan: Menyediakan pusat ulang kaji pelajaran dikenali sebagai Terminal Sejahtera untuk kemudahan kepada pelajar mengulang kaji pelajaran dalam situasi lebih selesa dan kondusif diusahakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Impak: Anak-anak dapat belajar dalam keadaan lebih selesa.

Melibatkan IB dalam komuniti termiskin: Kajian kes dari Western Cape, Afrika Selatan

Wilayah Western Cape adalah sebuah kawasan pentadbiran yang besar terletak di Afrika Selatan. Wilayah ini mempunyai 600,000 murid dan 17,000 guru di 1,100 sekolah rendah. Sejak tahun 2002, wilayah ini telah menyaksikan peningkatan kadar literasi dalam kalangan murid tahun 3 dan tahun 6. Wilayah ini telah berjaya menghapuskan jurang literasi di antara kelompok murid miskin dan murid terkaya. Salah satu strategi utama Jabatan Pelajaran Western Cape ialah melibatkan IB dengan pembelajaran murid. Kempen kesedaran mengenai cara bagaimana IB boleh membantu anak menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dilaksanakan dengan mengedarkan risalah seperti brosur dan surat edaran yang mencadangkan IB:

- Meluangkan masa untuk berbual dengan anak berkenaan sekolah
- Membacakan buku cerita kepada anak sebelum tidur
- Membudayakan tabiat bercerita; bercerita mengenai keluarga dan menggalakkan anak bercerita mengenai pengalaman mereka
- Membantu anak membaca perkataan (“baca nama pada label ini”).

Melibatkan IB dalam membuat keputusan

SK Sultan Sulaiman 1, Terengganu merupakan sekolah rendah nombor satu dari segi pencapaian. IB sekolah tersebut merupakan golongan profesional dan komuniti kelas pertengahan. IB sekolah ini sudah sedia aktif dalam MAT PIBG, Hari Pelaporan dan aktiviti-aktiviti lain. Sekolah ini berhasrat untuk meraih kejayaan lebih tinggi melalui penglibatan IB.

Pada setiap awal tahun, IB dan murid tahun 4, 5, dan 6 berbincang bersama-sama untuk **menentukan target** mereka pada tahun itu. Setelah mencapai persefahaman, murid dan IB kemudiannya menandatangani akujanji. Biasanya murid berikrar untuk belajar dengan rajin dan bersungguh-sungguh sementara IB berikrar membantu dan menyokong anak-anak. Permuafakatan ini meletakkan IB dan murid dalam keadaan bertanggung jawab. Kedua-dua pihak memahami bahawa kejayaan murid tidak hanya bergantung kepada usaha sekolah semata-mata tetapi perlu melibatkan usahasama IB, murid dan sekolah. **“Sekarang, IB tidak lagi bertanya apa yang mahu saya buat, tetapi apa yang boleh kami lakukan bersama demi kemajuan anak”**, kata seorang guru.

Membina perkongsian komuniti

SMK Sri Lalang, Johor hanyalah sebuah sekolah Band 5 yang menyediakan persekolah kepada anak-anak keluarga berpendapatan rendah. Kebanyakan keluarga dengan ladang FELDA, atau dengan syarikat-syarikat kecil di bandar. Kali pertama menjelaskan kaki di situ pada tahun 2009, Pengetua mendapat kehadiran murid merupakan masalah utama: kadar tidak hadir setinggi 12.8%. Untuk menyelesaikan isu ini, Pengetua melibatkan beberapa ketua komuniti seperti ketua-ketua kampung dan pengurus FELDA. Bersama-sama mereka berkunjung ke rumah murid yang bermasalah untuk hadir bagi memahami puncanya dan menyenaraikan komitmen IB bagi mengatasi hal ini. Kini kadar tidak hadir telah susut ke paras 5.2%.

Sekolah ini kemudiannya mengundang penglibatan lebih 40 agensi kerajaan dan pertubuhan masyarakat (cth: kesihatan, polis) dalam aktiviti sekolah di peringkat komuniti. Briged Komuniti ni kemudian pergi ke tiga buah kampung yang menjadi penyumbang utama murid ke SMK Sri Lalang, untuk menyampaikan mesej tentang kepentingan pelajaran kepada anak-anak, strategi sekolah untuk mengurangkan kadar ponteng dan bantuan yang disediakan oleh agensi berkenaan serta tindakan yang boleh diambil oleh IB berkenaan. Sejak itu, penglibatan IB telah meningkat. Briged Komuniti juga kekal dengan komitmen untuk membantu keperluan murid-murid.

Jika semua pihak bekerjasama, banyak perkara boleh dilakukan. Yang penting ialah memulakan **LANGKAH PERTAMA** itu.

Melibatkan IB berpendapatan rendah dan komuniti dengan sekolah

SK BabaganToki, Sabah terletak di kawasan pergunungan, 30km dari Kota Kinabalu. Terdiri dari hanya sebuah bangunan kayu dengan 5 bilik kelas, 60 murid dan 12 guru. Murid-muridnya datang dari 3 buah kampung yang layak diberi bantuan miskin dan miskin tegar.

Sukar mendapat penglibatan IB kerana kesibukan mereka, dan kerana mereka tidak meletakkan pendidikan sebagai perkara yang penting. Anak-anak diminta bekerja membantu keluarga. Bagi mengatasi perkara ini Guru Besarnya menggunakan agihan KWAPM sebagai satu insentif. IB hanya boleh mengambil wang KWAPM selepas melaksanakan aktiviti yang ditetapkan (seperti gotong royong, perbincangan dengan guru). Keduanya, guru-guru yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun ditugaskan melawat dan membimbing IB tentang pentingnya anak ke sekolah dan belajar dengan rajin.

Penglibatan IB bertambah baik dan murid-murid semakin bermotivasi. Walaupun IB tidak mampu membantu anak menyiapkan kerja rumah, tetapi mereka meluangkan masa untuk membantu sekolah memperbaiki kerosakan, menyediakan pengangkutan untuk murid yang mengikuti kelas tambahan dan mengaturkan sesi belajar bersama-sama di rumah mereka.

Penglibatan Ibu Bapa Penjaga dengan Sekolah¹

Apabila IB menjadi rakan yang berkesan dalam pendidikan murid, pencapaian sekolah semakin meningkat. Perkara yang paling tepat bagi meramal pencapaian murid di sekolah bukanlah status sosial IB tetapi sejauh mana sesebuah keluarga berupaya untuk:

- Menyediakan suasana yang menggalakkan pembelajaran di rumah;
- Berbincang dan bermuafakat dengan anak mengenai pencapaian dan kerjayanya pada masa hadapan;
- Terlibat dengan pendidikan anak di sekolah dan di dalam komuniti.

Apabila IB terlibat dengan pendidikan, maka anak:

- Lebih berjaya, tanpa mengira status sosio-ekonomi, kaum atau tahap pendidikan IB;
- Mencapai markah dan gred yang lebih baik, kehadiran bertambah baik dan menyiapkan kerja rumah dengan lebih konsisten;
- Mempunyai sikap yang lebih positif

Penglibatan IB pada peringkat awal pendidikan anak adalah lebih berkesan, bukan sahaja pada tahap sekolah rendah tetapi juga pada semua peringkat umur. Kaedah penglibatan IB yang berlainan memberi kesan yang berbeza kepada anak:

- Apabila IB bekerjasama dengan guru, jangkaan guru terhadap anak lebih tinggi;
- Apabila IB terlibat sepenuhnya (cth.; dalam membuat keputusan), pencapaian murid dari kalangan berpendapatan rendah meningkat dengan baik sekali. Perubahan paling ketara berlaku dalam kalangan murid yang paling ketinggalan
- Walaupun kerjasama dengan keluarga merupakan asas kepada kejayaan sekolah ia BUKAN ganti kepada program pendidikan bermutu tinggi atau strategi penambahbaikan yang menyeluruh sesebuah sekolah

1 SUMBER: <http://outreach.msu.edu/bpbrieftopics/issues/brief30.pdf> Hakcipta © 2004 University Outreach & Engagement, Board of Trustees of Michigan State University.

Peranan Ibu Bapa/Penjaga

1. Jurulatih

Menyediakan peluang dan ruang belajar yang seluas-luasnya untuk anak belajar di sekolah dan di rumah.



Walau sesibuk mana, berikanlah sedikit masa kepada anak anda. Pelaburan ini amat bermakna untuk masa hadapannya.



Mengawasi pelajaran anak adalah sebahagian aktiviti harian anda.



Pembelajaran di rumah mengukuhkan pemahaman anak anda.



Membaca dan menulis.

Kemahiran membaca memberi faedah kepada semua orang. Membaca tidak terhad kepada buku sahaja. Akhbar, majalah, arahan pada kotak dan bungkusan, tanda jalan dan laman web semuanya memberi peluang untuk anak anda membaca.

Ketika anak masih kecil, amalkan membaca bersama mereka. Rangsang minat dan cetuskan imaginasi anak dengan meminta mereka meneka dan menyambung cerita yang sedang dibaca bersama.

Bercerita tentang diri dan keluarga adalah salah satu cara yang menyeronokkan bagi mengajak anak mula menulis.

Menulis untuk keseronokan.

Semakin usia anak anda bertambah, cadangkan agar mereka mengarang cerita mereka sendiri atau menulis kesudahan yang lain bagi sesebuah kisah yang telah mereka baca. Misalnya, "Upin dan Ipin tumbuh rambut,"

Galakkkan anak menulis surat atau emel kepada keluarga dan rakan-rakan. Juga rangsang mereka bercerita menggunakan gambar. Jika boleh minta mereka mencatatkan suatu perjalanan/percutian menggunakan kamera.

Gunakan keratan kartun di majalah dan akhbar untuk bercerita.

Bincangkan bersama anak mesej sesebuah iklan televisyen.

Tips

- Tunjukkan minat terhadap pembelajaran anak, puji dan dorong.
- Lakukannya setiap hari.
- Galakkkan anak meneroka, menemukan dan memikirkan.
- Bekerja dan bermain dengan anak.
- Membaca bersama anak.
- Bantu anak menemukan sains dan matematik di mana-mana.

Matematik di mana sahaja

Matematik terdapat dalam hidup sehari-hari:

- Minta anak kecil membilang cawan dan piring; mencari jumlah gelas dan pinggan; mencari beza antara bilangan kerusi dan meja dsb.;
- Tunjukkan bagaimana membuat bajet wang saku atau duit raya;
- Bincang cara membanding harga dari beberapa kedai;
- Berapa kalori daripada sekeping roti?
- Semasa memasak berapa nisbah santan dan pulut?
- Menguasai sifir pendaraban membantu anak menjawab cepat

Belajar di rumah memberi peluang kepada anak mengamalkan apa yang dipelajari di sekolah

- Menganggar isipadu cat untuk bilik tidur
- Menyemai dan mencatat pertumbuhan benih kacang hijau – membuat graf tinggi anak benih berbanding bilangan hari;
- Membuat anggaran kos menyediakan Nasi Goreng kepada 6 orang;
- Membuat ukuran dan menjahit baju sendiri.



Mengembara

Gunakan peta dunia dan bersama anak anda dan mengembaralah ke tempat-tempat yang anda ingini. Terdapat beberapa laman web yang memaparkan perjalanan tertentu.


<http://www.nationalgeographic.com/railroad/>
(perjalanan keretapi bawah tanah)

<http://www.ontariosciencecentre.ca>
<http://www.scienzenorth.ca/>
(Melawat pusat sains secara atas talian)

Remaja memerlukan
MOTIVASI BERTERUSAN
mengekalkan minat dalam
MATEMATIK

- Berapa pulangannya jika jumlah bil telefon setahun dilaburkan dalam amanah saham?
- Berapa kos penyelenggaraan sebuah kereta setahun?
- Berapa hari perlu bekerja “separuh masa” untuk membeli telefon pintar baru?
- Jika harga barang meningkat 1.5% setahun, berapa harga secawan teh semasa anda tamat pengajian nanti?

Ketinggian benih kacang hijau



Pembentangan Yang Berkesan

Pada masa ini, anak-anak kerap diminta membuat pembentangan dalam kelas.

- Bimbang anak berlatih membuat pembentangan. Mulakan dengan membaca, kemudian bimbang anak membentang tanpa skrip.
- Puisi, syair, pantun dan bercerita memerlukan latihan dan pengulangan. Bersabar dan beri perangsang kepada anak anda.
- Aksi dan gaya merupakan antara kemahiran dalam pembentangan.
- Cabar anak membuat ucapan spontan.

2. Mentor

Menasihat, membimbing, mengajar, menyokong, menjaga, menggalakkan, menunjuk cara dll.



Anda tidak semestinya tahu bagaimana menyelesaikan sesuatu kerja rumah untuk membantu.



Berbincanglah dengan guru anak anda.



Pencapaian murid bertambah baik apabila guru dan ibu bapa saling berhubung.

Mentor

- Apa yang anda pelajari dahulu mungkin tidak sama dengan apa yang dipelajari oleh anak. Ini bukan sesuatu yang tidak dapat diatasi.
- Bantu anak mengenalpasti siapa yang dapat membantunya: adik-beradik, rakan sekelas, rakan sekolah, guru atau sesiapa sahaja.
- Berbincang dengan anak dan tentukan bila (berapa cepat) kebuntuan ini boleh di atasi.

Bagaimana ibu bapa/penjaga boleh membantu anak menjadi pelajar bermotivasi kendiri?

- Galakkan anak menggunakan kaedah penyelesaian masalah untuk menyiapkan kerja rumah, yakni:
 - Jelaskan apakah tugas dan apakah hasil yang diharapkan.
 - Jana idea melalui sumbang saran dan tentukan idea mana yang akan digunakan.
 - Buat perancangan.
 - Jalankan perancangan

Beberapa soalan jenis Penyelesaian Masalah untuk digunakan.

- Mari bincangkan kerja rumah adik.
- Apa tugas anda?
- Macam mana kawan adik buat kerja ini?
- Jika adik tidak dapat jawapannya, cuba tanya cikgu? Bila agaknya adik boleh tanya cikgu?

Tips

- **Puji dan raikan kejayaan.**
- **Jangan perbesarkan kesilapan anak.**
- **Beri anak keyakinan untuk mendapatkan bantuan daripada guru.**
- **Bantu anak mengesan kemajuan mereka.**

Sifat Mentor	Bukan Sifat Mentor
Membimbing anak menjana idea.	Terus memberikan jawapan.
Menggunakan sumbang saran.	Tiada percambahan buah fikiran.
Berbincang dan merangka langkah penyelesaian dengan anak.	Memberikan kaedah penyelesaian sendiri.
Menggalakkan anak merangka jadual kerja.	Membiarkan anak tanpa ketentuan masa.
Mencelikkan akal anak kepada cara-cara berlainan menyelesaikan sesuatu masalah.	Hanya berpandu kepada cara tertentu sahaja.
Menggalakkan anak mencuba penyelesaian, tetapi masih boleh mengubah strategi jika gagal.	Hanya ada satu penyelesaian.
Meninjau kemungkinan lain jika buntu.	Berhenti jika gagal.
Berbincang tentang peningkatan sekiranya kejayaan telah dicapai	Berhenti selepas mencapai kejayaan,
Mendengar, cuba memahami dan empati dengan masalah yang dihadapi anak.	Mendengar atau pura-pura mendengar tanpa sebarang perasaan.

IB sebagai mentor hendaklah:

- Menerima anak dengan hati terbuka, penuh keikhlasan setiap kelemahan
- atau kecenderungannya;
- Berniat untuk menolong dan berazam untuk membantu anak sedaya upaya;
- Hormat-menghormati pandangan antara satu sama lain; tidak bererti setiap saranan IB mesti dipatuhi atau anak tidak boleh melaksanakan sesuatu yang tidak dinyatakan oleh IB;
- Sentiasa peka kepada apa yang berlaku ke atas anak;
- Memberi pengetahuan yang positif serta memberangsangkan kepada anak. Dengan lain perkataan, IB perlu memberi bimbingan, nasihat atau kaunseling kepada anak.



Mentor ditakrifkan sebagai seseorang yang memegang peranan sebagai penyelia atau penasihat kepada pelajar atau pelatih, serupa dengan tugas seorang [guru](#) atau [kaunselor](#), tetapi lebih erat dengan anak didiknya. Mentor ini selalunya seseorang yang berpengalaman dalam bidang yang sedang diceburinya.

SUMBER: wikipedia

3. Penyokong

Menyokong, mempertahankan, menyakinkan anak



Kami tidak tahu bagaimana hendak bercakap dengan guru anak kami.

- Bimbang jika guru salah anggap tentang kami dan anak kami.
- Apa yang kami ajar di rumah tidak sama dengan apa yang guru ajar di sekolah...



Kami tahu anak-anak dan guru-guru telah bekerja keras untuk meraih kejayaan.

- Kejayaan dalam pelajaran perlu diikuti dengan kejayaan dalam hidup.
- IB, guru dan komuniti mempunyai peranan masing-masing dalam hal ini.



Guru-guru juga ingin tahu yang anda menyokong mereka

- Dengan sokongan dari IB guru lebih fokus mengajar, kerana mereka tahu apa yang mereka buat mendapat penghargaan.
- Berbincanglah dengan guru anak-anak anda pada awal tahun persekolahan.

Menyokong kejayaan anak anda.

Kejayaan anak bergantung kepada apa yang guru, ibu bapa dan sekolah buat. Persekutuan dan komuniti menjadi medan yang menguji sama ada anak anda akan terus berkembang maju atau sebaliknya. Untuk menyokong dan menjamin kejayaan anak:

- Datanglah bertemu guru anak-anak anda, kehadiran anda menyemarakkan semangat anak kerana dia tahu antara anda dan gurunya ada suatu "perkaitan".
- Jika guru dan IB saling mengenali, wujud rasa hormat-menghormati akan kepakaran masaing-masing. Anak lebih mendengar cakap guru di sekolah dan pada masa yang sama mengasihi kedua IB dan keluarga di rumah. Sekiranya perasaan ini

dipupuk dan dikembangkan anak akan menjadi murid yang cemerlang di sekolah, di rumah dan dalam komuniti.

- Dengar dan beri tumpuan apabila anak merungut tentang guru di sekolah, tetapi cuba selidiki dengan teliti tanpa membuat sebarang kritikan terhadap guru. Cuba cari kebenaran tanpa menyebelahi mana-mana pihak.
- Guru juga adalah IB, jadi sekiranya anda boleh berbincang dengan cara baik dan sihat dengan guru, kesulitan yang anak anda hadapi boleh dirungkaikan.
- Sekiranya ingin menghadiri majlis atau mesyuarat PIBG, tanyalah anak anda sekiranya dia mempunyai soalan/cadangan. Suara murid hanya didengari melalui IB.

Pandangan pertama itu penting!

- Bagaimana anak anda berinteraksi dengan murid lain mempunyai kesan ke atas pembelajarannya. Murid yang bertimbang rasa dan menghormati orang lain merupakan ahli pasukan yang digemari. Kerja kumpulan akan menjadi mudah dan menyeronokkan dengan adanya persefahaman. Ajar anak anda berhubung dengan baik sesama sendiri dan saling mengucapkan terima kasih dan pujian jika kena pada tempatnya.
- Kelakuan baik dan tertib perlu dilatih. Didik anak memberi ucapan salam/selamat dan bersalamans apabila bertemu saudara mara atau rakan. Sikap terbuka dan menyukai orang lain sangat disenangi.
- Ketika makan di rumah atau di luar, jadikan kesabaran menunggu dan mengucapkan terima kasih apabila diberi layanan sebagai kemestian.

Asuhan budi.

- Ajar anak menghormati ruang dan harta kepunyaan orang lain. Semasa membeli belah, puji pekerti mereka yang senyap dan baik tidak menyentuh barang pameran dan melanggar orang lain.
- Anak-anak remaja perlu dihadapi dengan lebih tenang dan tidak menekan. Terlalu banyak "ceramah" (leteran) menyebabkan remaja menutup telinga. Sikap baik IB menunjukkan contoh, membimbing dan tidak menghukum tanpa usul periksa lebih mudah diterima. IB juga harus belajar mengakui kesalahan.
- Puji pekerti budiman anak. Pandangan baik orang lain terhadap tingkah-lakunya menjadikan anak yakin akan dirinya.
- Anak yang mempunyai rasa hormat kepada diri sendiri, belajar lebih bagus!



Melentur buluh biar dari rebung!

<http://topnews.ae/content/22255-toddler-seen-smoking-father-says-he-addicted>



Lebih lima juta sukar henti merokok, budaya mula pengaruhi pelajar sekolah

Lebih 5 juta perokok tegar di Malaysia membelanjakan kira-kira RM 15 juta sehari.

- Kira-kira 10,000 kematian setahun akibat tabiat merokok di Malaysia; 6 juta kematian setahun di seluruh dunia (kajian WHO)
- **Rakyat negara ini masih memandang remeh kesan ketagihan rokok dan kempen antimerokok**
- Bilangan perokok masih gagal dikurangkan, malah lebih membimbangkan apabila budaya merokok itu mula mempengaruhi remaja yang masih bersekolah.

- Prof. Zulkifli Ahmad, Pakar Perubatan Pusat Pengajian Sains Perubatan(PPSP), USM, Kubang Kerian

- <http://www.bharian.com.my/articles/PerokokbelanjaRM15jutasehari/Article/9%20Mac%202012>

4. Sentiasa bermaklumat

Terkini dengan apa yang berlaku di sekolah.

Mengetahui apa yang berlaku di sekolah

- Luangkan masa untuk mengetahui perkembangan di sekolah anak.
- Kerja kursus dan kerja rumah perlu dipantau.

Kekal berhubung

- Bekalkan guru anak anda alamat, nombor telefon, nombor faksimili, emel dsb.
- Layari laman web sekolah
- Bincang dengan IB lain.

MAKLUMAT TERKINI

Memeriksa kerja rumah dan peka terhadap kerja rumah adalah satu cara mengesan perkembangan pelajaran anak anda.

Jangan puas hati apabila anak menjawab: "Takda apa atau biasa saja". Tanya anak anda soalan yang lebih spesifik: "Tadi Cikgu bagi berapa soalan untuk Matematik?" "Sains kena buat apa?"

Hubungi guru-guru anak anda melalui telefon, buku komunikasi atau secara bersemuka.


Cari/semak maklumat dari laman web sekolah /guru.

Gantung kalender perancangan untuk mengingatkan tentang tugas, tarikh akhir dan peristiwa sekolah.

Sediakan bekas/folio untuk surat/nota dari sekolah

Minta bantuan daripada keluarga lain (jika perlu).

Memperkuuh Pembelajaran di rumah



Rajah: Keluk Lupaan
<http://uwaterloo.ca/counselling-services/curve-forgetting>

- Pada Hari 1, sebelum kelas, pengetahuan murid adalah 0%. Setelah kelas, dia tahu 100% apa yang dia telah kuasai.
- Otak sentiasa menerima maklumat dan rangsangan baharu, jadi otak perlu menapis dan melupuskan maklumat yang tidak berulang atau yang tidak memberi makna.
- Maka, jika murid tidak merujuk kepada nota, menelaah, memikirkan, membaca atau berbincang tentang apa yang dipelajari, pada Hari 2, 50%-80% pelajaran dari Hari 1 akan hilang (dilupakan)
- Menjelang Hari 30 ingatan tentang pelajaran Hari 1 hanya tinggal sekitar 2% - 3% sahaja.
- Melalui kaedah menelaah/mengulangkaji otak boleh diarahkan untuk menyimpan sesuatu maklumat sebagai ingatan jangka panjang. Semakin kerap mengulangkaji, semakin sedikit masa bagi otak untuk mengingat kembali maklumat yang diperlukan.
- Keluk lupaan boleh ditukarkan menjadi keluk ingatan!

Menukar Keluk Lupaan menjadi Keluk Ingatan

- Keluk Lupaan boleh dipertingkatkan semula menjadi 100% jika seseorang murid menggunakan 10 minit untuk mengulang kaji atau menulis semula nota dalam jangka masa 24 jam selepas suatu pengajaran.
- Pada Hari 7, masa yang diperlukan untuk menelaah/mengulang kaji supaya dapat mengingat semula isi pelajaran tersebut akan menjadi semakin singkat, misalnya 5 minit sahaja. Jika murid menelaah/mengulang kaji setiap minggu, maka pada Hari 30, otak cuma memerlukan 2 – 4 minit untuk mengingati maklumat berkenaan.
- Secara ringkasnya, murid memerlukan lebih kurang 30 minit untuk menelaah satu mata pelajaran setiap hari dan satu setengah jam hingga dua jam pada hujung minggu.
- Itulah sebabnya, setiap murid perlu memiliki dan mematuhi jadual belajar di rumah.

Terdapat beberapa mata pelajaran yang memerlukan latihan secara berterusan untuk membentuk ketajaman pemahaman, contohnya matematik. IB boleh membimbing anak membina jadual yang seimbang antara pembelajaran kemahiran dan mengingat, di antara menulis sebuah karangan dan merancang suatu eksperimen atau membaca mengenai sejarah.

Bimbang anak supaya belajar dalam tempoh yang pendek, misalnya setiap 30 minit sebelum berehat sebentar. Semasa membaca, anak boleh membuat nota, peta minda atau menjawab soalan.

Menjawab soalan menajamkan kefahaman dan memperkuuh ingatan. Soalan esei membina keyakinan murid.

Jumlah pelajaran yang difahami, diingati lebih penting berbanding jumlah masa yang digunakan. Membaca 4 jam terus menerus tetapi hanya faham dan ingat 5% tidak bermakna. Bandingkannya dengan membaca 20 minit, faham dan ingat 90%.

Tidak ada hari yang berlalu tanpa belajar sesuatu.



5. Menjadualkan kehidupan

Mengaturkan kehidupan supaya aman dan tenteram, tenang dan bahagia.



6. Sahabat kepada Anak Remaja

Mendampingi anak remaja sebagai seorang sahabat.

Tegas	Memberi Ruang	Memberi Peluang
<ul style="list-style-type: none">• Tidak berubah-ubah.• Ada timbang rasa.• Kena pada tempat dan gayanya.• Bukan menunjuk kuasa.• Anda juga manusia.	<ul style="list-style-type: none">• Biarkan anak bercakap tentang sekolah dan apa sahaja.• Beri peluang anak berinteraksi dengan rakan.• Izinkan berfesyen yang bersopan.• Biar dia mencuba, tapi awasi batas-batasnya.	<ul style="list-style-type: none">• Minta anak mengajarkan sesuatu kepada anda• Beri anak kesempatan membuktikan kebolehannya• Jika dia tersilap, izinkan dia berubah. Latih anak memikul tanggung jawab

Dunia Remaja Kini: Gajet, Internet, Laman Sosial

Gajet	<ul style="list-style-type: none">• Nasihat anak supaya jangan terlalu obsesif.• Penggunaan patut hentikan sementara jika mengganggu pelajaran.
Internet	<ul style="list-style-type: none">• Awasi penggunaan dan wujudkan peraturan.• Pasang program tapisan.• Didik penggunaan berhemah.• Awasi jerat permainan "on-line".
Laman Sosial	<ul style="list-style-type: none">• Selalu beri peringatan tentang penipuan identiti dan penyamaran.• Pantau penggunaan laman sosial jangan sampai mencuri masa belajar.• Didikan dan pengawasan penting.

Gejala Negatif

Rokok

- Remaja paling mudah terpengaruh untuk merokok atas pelbagai sebab.
- Merokok merupakan jalan pintas kepada penyalahgunaan dadah.
- IB, guru dan komuniti perlu menjadi contoh terbaik membanteras gejala merokok
- Periksa beg sekolah dan pakaian anak untuk mengesan rokok.
- Ketegasan IB amat penting, rujuk anak kepada kaunselor.




Alkohol

- Ketagihan alkohol merupakan isu yang sukar diatasi.
- Tabiat berpeleseran dan berseronok perlu dibendung.
- Peranan semua pihak amat diperlukan. Rujuk anak kepada kaunselor.




Gejala sosial negatif

- Anak-anak yang terbiasa mudah terjebak.
- Beri kasih sayang kepada anak-anak.
- Tidak terlalu lambat untuk bertaubat dan berubah kepada kebaikan. Bimbing anak setiap masa.



Laporan **Buletin Umum Pusat Racun Negara, USM** (**PenawaRacun**, bilangan 52, Mac 2004), menunjukkan bahawa 14 peratus daripada remaja di seluruh dunia adalah perokok. Di Malaysia pula lebih kurang 8 peratus daripada 4.6 juta perokok adalah terdiri daripada kalangan remaja. Statistik ini juga menunjukkan bahawa lebih kurang 50-60 remaja mula merokok setiap hari. Kajian juga menunjukkan kadar merokok di kalangan Melayu Islam adalah tertinggi iaitu 27.2 peratus berbanding Cina 16.7 peratus dan India 15.6 peratus. Hal ini dilaporkan oleh bernama.com bertarikh 22 September 2005.

- <http://fauzanibrahim.wordpress.com/2008/02/11/malaysia-dan-rokok/>



Memupuk dan mengasuh anak dengan sikap:

- Tanggung jawab
 - Semangat Memburu Kejayaan
 - Mempunyai Hala Tuju
- adalah antara cara menghindar anak terjebak dalam gejala negatif.



Terima Kasih & Penghargaan

Pasukan pembina Sarana

Pn. Asiah bt. Hamzah, Pegawai Pelajaran Daerah Pekan, Pahang
(Ketua Peneraju Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta, Makmal GTP 2.0)

Ahmad Zafiru bin Mat Yassin, Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Pahang
(Pembina Sarana Ibu Bapa)

Faridah bt. Abd. Rahman, Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Pahang
(Pembina Sarana Sekolah)

Maklum balas:

JK Induk Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia
Semua Pegawai Perhubungan PIBG Jabatan Pelajaran Negeri dan Wilayah Persekutuan

Pengetua, Guru Besar, YDP /NYDP /JK PIBG:
SMK Palong 7, 73470 Gemas
SMK Bahau, 72100 Bahau
SMK Segambut Jaya, Jalan 4/38A, Segambut, 51200 Kuala Lumpur
SMK Dato' Ibrahim Yaacob, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur
SMK Katholik, Jalan 10/3, 46000 Petaling Jaya
SMK Taman Dato' Harun, Km 12 Jalan Klang Lama, 46000 Petaling Jaya
SMK Damansara Jaya, Jalan SS22A/1 Petaling Jaya, 47400 Petaling Jaya
SMK Durian Tunggal, Jalan Bukit Balai, Durian Tunggal Alor Gajah Melaka, 76100 Melaka
SK Rompin, 73500 Rompin, Negeri Sembilan
SK Jempol, 72100 Bahau, Negeri Sembilan
SK Taman Maluri, Jalan Burung Kasawari, Taman Bukit Maluri, Kepong, 52100 Kuala Lumpur
SK (L) Methodist Sentul, 51000 Kuala Lumpur
SK Bandar Utama Damansara (4), Bandar Utama Damansara (4). 47800 Petaling Jaya
SK Assunta 1, Jalan Assunta, 46050 Petaling Jaya
SK Sungai Way, Jalan SS9/13, 47300 Petaling Jaya
SMK Ghaffar Baba, Masjid Tanah Melaka, 78300 Melaka

Sekolah Rintis:

Pengetua, Guru Besar, PIBG, Ketua Kaum, Penghulu, Pemaju Masyarakat
SMK (P) Methodist, 25000 Kuantan
SMK Seri Bahagia, 28000 Temerloh
SMK Hwa Lian, 284000 Mentakab
SMK Sungai Lembing, 26200 Kuantan
SMK Lepat Hilir, 26300 Gambang
SK Bukit Sekilau, 25200 Kuantan
SJKC Mentakab 1, 28400 Mentakab
SJKT Ladang Mentakab, 28400 Mentakab
SK Bunut Rendang, 25150 Kuantan
SK Sungai Mas, 26200 Kuantan
SK St. Edward, Belimbang, Padawan, 93150 Kuching
SMK Pulau Gaya, 88852 Kota Kinabalu

Pengunjung dan pemberi maklum balas ke Petak Pameran "Ibu Bapa dan Komuniti" pada Hari Terbuka GTP2.0 di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu

Serta semua yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung.

Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta, Makmal GTP 2.0
September 2012



Borang A

Maklumbalas Kaji Selidik Ibu Bapa dan Borang Penyertaan Kumpulan Perbincangan Ibu Bapa/Penjaga

Nama Ibu Bapa/Penjaga

Nama anak: Kelas:

Alamat :

No. Telefon untuk dihubungi :

1. Saya berminat untuk berbincang mengenai isu yang ditandakan (✓).

Bil.	Aspek	Markah	Minat Bincang
1	Menyediakan suasana pembelajaran di rumah		
2	Interaksi sosial		
3	Komunikasi dengan anak		
4	Sokongan akademik		
JUMLAH			

2. Saya mempunyai kelapangan pada masa yang saya tandakan (✓).

Hari Saya ada Kelapangan	Pagi	Petang
Isnin		
Selasa		
Rabu		
Khamis		
Jumaat		
Sabtu		
Ahad		

- Nota: PIBG akan menetapkan temu janji pada masa yang akan diberitahu kelak

Tandatangan: Tarikh:

BORANG B



Bidang khidmat bantu kepada sekolah

(Sila kembalikan borang ini kepada sekolah melalui anak anda)

Nama Ibu Bapa/Penjaga:

No. Kad Pengenalan Ibu Bapa/Penjaga:

Nama anak: Kelas:

Alamat :

.....
Telefon: E-mel:

Saya bersedia untuk memberi khidmat dalam bidang yang ditandakan (✓).

- | | |
|---|--------------------------|
| 1. Akademik (pembelajaran di sekolah) | <input type="checkbox"/> |
| 2. Kokurikulum (persatuan, unit beruniform sukan dan permainan) | <input type="checkbox"/> |
| 3. Bimbingan kerjaya | <input type="checkbox"/> |
| 4. 4K (kebersihan, keceriaan, keselamatan dan kesihatan) | <input type="checkbox"/> |
| 5. Penyelenggaraan sekolah | <input type="checkbox"/> |
| 6. Motivasi / disiplin murid | <input type="checkbox"/> |
| 7. Saya berminat menyertai Kumpulan Sokongan Ibu Bapa | <input type="checkbox"/> |
| 8. Saya boleh mengiring pasukan sekolah jika tarikh dan masanya sesuai. | <input type="checkbox"/> |
| 9. Saya sanggup meluangkan masa untuk membantu sekolah sebanyak hari setahun. | <input type="checkbox"/> |

Tandatangan: Tarikh:



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Blok E8, Kompleks E
62604 Putrajaya
Malaysia
Tel: 03 - 8884 6255 Faks: 03 - 8889 5235
<http://www.moe.gov.my>